

## ISI KANDUNGANNYA

Bab		Halaman
1.....	Pendahuluan	
2.....	Struktur Sosial & Politik Malaysia – Perpaduan Rakyat: Integrasi atau Assimilasi?	1 – 27
3.....	Dasar Ekonomi Baru & Perpaduan Rakyat – Objektif Utama DEB – DEB & Dilemmanya – Lompang Di antara Rakyat Malaysia dan Bukan Rakyat Malaysia ✱ Tercetus Peristiwa Mei 13, 1969 kerana ketidak-seimbangan ekonomi? – Ketidak-seimbangan ekonomi Melayu diakibatkan persaingan Cina? – Kemiskinan dan Kemunduran Melayu Apakah sebabnya? – DEB & Masyarakat Malaysia selepas 1990	28 – 76
4.....	Dasar Pandang Timur (DPT): Mengapa Timur Dipandang, ke mana kita? – Konsep Persyarikatan – Revolusi Yang Tersusun – Bangsa Yang Bermaruah – The Sun Also Sets – Siapakah Yang Banyak Membaca surat khabar? – Pengajaran Yang Perlu Dipelajari – Kereta Malaysia Dipasarkan pada 1985? – Kualiti Tenagarakyat Malaysia – Brain Power adalah lebih mustahak dari Manpower	77 – 112

- 5..... Krisis Perlembagaan 113 – 141
- Apakah mesej disampaikan?
  - ✓ Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan 1984
  - Kuasa Pemindaan
  - ✗ Fungsi Parlimen & Sejarahanya
  - Krisis Kuasa Politik?
  - Apakah Komen Tunku?
  - Kempin Pelajaran Politik Kebangsaan
  - Malaysia: Negara Sekular atau Negara Islam?
  - Agama Sebagai Alat Perpaduan?
- 6..... Keselamatan & Pertahanan 142 – 153  
Malaysia Di Asia Tenggara

m  
959.5  
C4F  
53000  
LEB

(ii)

15 MAY 1990  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

PENDAHULUAN

---

---

Buku ini adalah merupakan karya dan terbitan ke-3 saya dalam penulisan Bahasa Malaysia, yang pertama "Tersesat Di Simpang Jalan" pada tahun 1982, kedua ialah "Dilemma Pembinaan Negara Malaysia: Tanahair Tumpah Darahku" pada tahun 1983.

Buku ini adalah ditumpukan pada beberapa isu yang agak kontroversial dan hebatnya diperbincangkan, khususnya Dasar Pandang Timur dan Krisis Perlembagaan, yang begitu lamanya menarik perhatian rakyat Malaysia dan dunia, sehingga pelbagai desas desus, spekulasi, ramalan dan penganalisaan politik pun ditimbulkan. Pada satu peringkat, suasana politik dan ekonomi Malaysia agak tergoncang dan genting keadaannya, bila Krisis Perlembagaan sudah sampai ke tahap kemuncaknya, sebelum terjumpai lagi apa-apa tanda penyelesaian pada 15/12/1983.

Saya juga menfokus satu isu yang sangat meluas dan mendalamnya diperbincangkan di semua lapisan masyarakat kita, terutamanya masyarakat akademik dan ekonomi, yaitu Dasar Pandang Timur (DPT). Sungguhpun, subjek ini banyak dibincang dan dibahaskan dalam forum, seminar atau wawancara, termasuk perintis dan pelopor konsep dan dasarnya, Dr. Mahathir sendiri.

Masalah-masalah yang dibangkitkan dalam Bab ini, memang sudah dikaji dan dibincangkan dari beberapa aspek dan sudut yang berlainan, baik dari masyarakat tempatan ataupun dari dunia luar. Kebaikan dan keburukannya, pros dan cons DPT ini pun diperincikan. Sungguhpun, DPT masih dalam proses percubaan dan masih dalam peringkat permulaannya, tapi adalah baiknya bagi kita mengesani beberapa aspek masalah yang selalu dianggap sebagai masalah yang

ber'far-reaching effects'nya, yang seharusnya diperhati dan dipertimbangkan bukan sahaja oleh kerajaan sendiri, tapi juga oleh setiap rakyat Malaysia yang akan menyertai dalam pelaksanaan DPT ini, sebagai salah satunya program 'REVOLUSI YANG TERSUSUN'.

Sejauh manakah Krisis Perlembagaan dan Dasar Pandang Timur ini akan mempengaruhi perkembangan struktur sosio-politik serta sistem ekonomi negara kita, yang mungkin hanya dapat dikesani efeknya dalam tahun 2000. Kedua-dua isu ini adalah dibincang dan diperinci dalam bab 3 dan 4.

Isiu Islamisasi atau pengislaman, isiu negara sekular dan Islam, yang tak terhenti-hentinya dibahas dan diperbincangkan baru-baru ini, adalah dijadikan sebagai topik perbincangan buku ini dalam Bab 4.

Masalah integrasi atau assititasi yang selalu dibahas dan diperhebat-hebatkan sejak tahun 50an, 60an, 70an dan 80an ini, tentu akan dijadikan sebagai isiu perpaduan negara kita dalam tahun-tahun 90an dan tahun 2,000. Isiu ini adalah diperinci dalam Bab 2, kerana ianya adalah berkaitan dengan struktur sosio-politik Malaysia yang lepas, dan akan datang.

DEB, sungguhpun sudah banyak dikaji, dianalisa, dibincang dan dibahasakan, juga pernah dijadikan sebagai subjek perbincangan dalam karya saya, "Dilemma Pembinaan Negara Malaysia: Tanahair Tumpah Darahku", tapi aspek-aspek masalah yang diperbincangkan dalam buku ini, adalah agak lain sudutnya, khususnya tentang percanggahan pandangan di antara pemimpin-pemimpin negara, termasuk dalam dunia ilmiah, sehingga isiu samada tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB) ini akan dilanjutkan tidak, pun banyak dibincangkan.

Memandangkan banyak tesis, karya dan artikel sudah diterbitkan untuk membincangkan struktur sosio-politik Malaysia sebagai sebuah masyarakat yang berbilang kaum, sejarah pembentukan masyarakatnya, proses pencapaian kemerdekaan

kaannya, penubuhan sistem pemerintahan politik dan sosionya, struktur ekonominya, maka dalam Bab 2 ini, saya hanya memusatkan beberapa aspek masalah struktur sosio-politik negara kita dari kacamata ahlisosiologi, Barat atau Timur, dari segi komposisi kaum dan penduduknya, taraf kewarganegaraan dan agamanya. Beberapa perangkaan yang dipetik dari Laporan Am Banci Penduduk Malaysia 1980 ini, pun diperbincangkan dalam jadual-jadual yang dikemukakan dalam Bab ini.

Selain daripada masalah-masalah dan ancaman yang Malaysia hadapi dari dalam negaranya, seperti polarisasi kaum dan kelas, pergerakan fanatisme agama, penagihan dadah, MCP dan aktiviti komunis serta perjuangan Republik Islam secara kekerasan dan keganasan, yang kononnya diimpotkan, kita juga perlu memperhitungkan faktor-faktor luar, khususnya pergolakan politik di rantau ini selepas tahun 1975, peristiwa pencerobbbhan Vietnam ke Cambolia, kegiatan-kegiatan KGB dan Soviet Union di rantau ini, kerana kesemua unsur-unsur luar ini akan menentukan juga nasib masa depan negara kita. Malaysia sebagai sebuah negara yang kecil, sepertimana yang kita saksikan dan bandingkan dari segi kapasiti pertahanannya, maka faktor-faktor luar ini perlu dipertimbang dan diperhitungkan samasekali.

Tujuan utama yang mendorong saya menulis buku ini dalam Bahasa Malaysia, adalah disebabkan isu-isu Dasar Pandang Timur, Dasar Ekonomi Baru, Pertahanan, Negara Sekular atau Islam, Krisis Perlembagaan dan lain-lainnya, sepertimana yang saya timbulkan dan bincangkannya, bukan sahaja merupakan satu isu yang berkaitan dengan kepentingan sesuatu kaum sahja, Bumiputra, tapi juga adalah berkenaan dengan kepentingan nasional dan rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini.

Mengenai isu-isu DEB, DPT dan Krisis Perlembagaan ini, bukan sahja aspirasi dan perasaan masyarakat Bumiputra